LOI SUI CHI & SATU LAGI

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-37-2010]
2 DISEMBER 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 - Seksyen 25, 32(3), 35 - Wang di bank di sita di bawah s. 25 - Wang disita dilucuthak kepada Kerajaan di bawah s. 32(3) - Sama ada perintah perlucutanhak berjustifikasi - Penggunaan anggapan statutori di bawah s. 35 - Sama ada wajar - Sama ada perayu-perayu gagal membuktikan sumber wang di dalam akaun*

PERKATAAN & ISTILAH: *"Proceedings" - Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, s. 35 - Maksud - Sama ada bermaksud prosiding di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Sesyen*

Pihak polis dalam kes ini telah menyita wang simpanan perayu-perayu di Chartered Bank (RM101,329.07) dan Citibank (RM216,554.93) atas alasan ia adalah "harta yang menyalahi undang-undang" di bawah s. 25 Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta'). Perayu-perayu memohon untuk pemulangan wang tersebut, namun tuntutan mereka ditolak oleh hakim Mahkamah Sesyen ('hakim bicara') yang sekaligus membuat perintah di bawah s. 32(3) Akta supaya harta tersebut dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia. Adalah jelas bahawa hakim Mahkamah Sesyen ('hakim bicara'), dalam mencapai keputusannya, telah menggunapakai anggapan statutori di bawah s. 35 Akta. Adalah juga jelas bahawa hakim bicara telah mendapati dakwaan perayu pertama - bahawa wang-wang tersebut adalah simpanan gaji beliau sebagai pelayan pelanggan (GRO) di kelab malam (RM10,000 hingga RM15,000 sebulan) dan pegawai pemasaran di kedai tayar (RM4,000 hingga RM5,000 sebulan), serta wang pemberian teman lelaki beliau (S$70,000 hingga S$80,000) - adalah dakwaan kosong semata-mata, kerana tiada dokumen dikemukakan bagi menyokong dakwaan-dakwaan itu. Tidak berpuashati, perayu-perayu merayu dan berhujah bahawa hakim bicara khilaf dalam menggunapakai anggapan s. 35 dan mendapati bahawa perayu-perayu gagal membuktikan sumber wang di dalam akaun-akaunnya itu.

Diputuskan (mengekalkan perintah hakim bicara; melucuthak harta disita kepada Kerajaan Malaysia):

(1) Hujah bahawa hakim bicara khilaf apabila menggunapakai anggapan statutori di bawah s. 35 Akta dalam prosiding terhadap perayu-perayu tidak berasas. Dalam mana-mana prosiding yang dijalankan di bawah Akta, anggapan statutori di bawah s. 35 Akta adalah terpakai. Dengan hormat, mahkamah ini tidak bersetuju dengan dapatan di dalam *Hong Leong Bank Bhd v. PP* [2009] 8 CLJ 463 yang menyatakan bahawa anggapan di bawah s. 35 Akta tidak terpakai bagi prosiding di bawah s. 32 Akta. Perkataan "proceedings" dalam s. 35 Akta adalah bermaksud prosiding di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen. Pandangan ini disokong oleh autoriti-autoriti seperti *Public Finance Bhd v. PP*, *PP v. Jessie Tan Poh Yoke*, *Kii Sie Hoong v. PP*, *Hong Leong Bank Bhd lwn PP*, *PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi* dan *Amfinance Bhd lwn PP*. (perenggan 12, 13)

(2) Apabila anggapan statutori di bawah s. 35 Akta terpakai dalam prosiding terhadap perayu-perayu, beban pembuktian berpindah kepada perayu-perayu atas imbangan kebarangkalian untuk mengemukakan keterangan sehingga mahkamah berpuashati bahawa: (i) tiada kesalahan di bawah Akta tersebut atau Akta Dadah Berbahaya 1952 dilakukan berkaitan harta yang dituntut; (ii) harta yang dituntut bukan harta yang menyalahi undang-undang; dan (iii) perayu-perayu berhak di sisi undang-undang terhadap harta tersebut. (perenggan 14)

(3) Fakta menunjukkan bahawa, selain dari 4 slip bayaran cukai pendapatan, yang tidak nyata tercatat nama pembayar, jumlah bayaran dan tarikh bayaran dibuat dan kerana itu tidak membantu mahkamah menentukan pendapatan kasarnya, tiada keterangan dokumentar dikemukakan perayu pertama bagi menyokong dakwaan-dakwaannya. Dalam keterangannya, beliau tidak menyatakan jumlah pendapatan tahunannya dan jumlah bayaran cukai pendapatan yang beliau kena bayar. Tiada dokumen menunjukkan beliau bekerja sebagai GRO di Europa Pub atau di sebuah kedai tayar, dan tiada bukti dokumentar menunjukkan pendapatan beliau di situ. Begitu juga, tiada saksi dipanggil bagi menyokong kenyataan perayu pertama bahawa teman lelakinya Kenneth Koh telah memberikan beliau sebanyak S$70,000 - 80,000. Oleh itu, dapatan hakim bicara bahawa dakwaan perayu pertama mengenai pemberian ini, serta pendapatannya sebagai GRO di Europa Pub dan pegawai pemasaran di kedai tayar, hanyalah satu dakwaan kosong semata-mata adalah wajar. (perenggan 17, 18 & 19)

(4) Berdasarkan keterangan, perayu-perayu telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk melepasi beban pembuktian untuk memuaskan mahkamah bahawa tiada kesalahan berlaku mengaitkan wang yang dirampas, bahawa wang tersebut bukan harta yang menyalahi undang-undang dan bahawa mereka berhak kepada harta tersebut di bawah undang-undang. Perayu-perayu juga gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s. 35 Akta yang terpakai terhadap mereka dalam prosiding ini. Ini bermakna tiada keperluan untuk Pendakwa Raya mengemukakan 'rebuttal evidence' dalam keadaan kes ini. (perenggan 20)

Kes-kes yang dirujuk:
Amfinance Bhd lwn. PP [2010] 7 CLJ 607 HC ***(dirujuk)***
Hong Leong Bank Bhd lwn. PP [2009] 8 CLJ 33 HC ***(dirujuk)***
Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 463 HC ***(tidak diikuti)***
Kii Sie Hoong v. PP [2008] 1 CLJ 683 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jessie Tan Poh Yoke [2008] MLJU 910 ***(dirujuk)***
PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi [2005] 3 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
Public Finance Bhd v. PP [1999] 8 CLJ 485 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988, ss. 2(2), 8, 25(2), 32(1), (2), (3), 35
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6

Bagi pihak perayu-perayu - KL Chee; T/n KL Chee & Co
Bagi pihak respondan - Muhamad Iskandar Ahmad TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

[1] Ini adalah suatu rayuan oleh perayu-perayu yang terkilan dengan keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Johor Bahru (Tuan HMS) yang diberikan pada 28 Julai 2010 yang memerintahkan supaya wang sejumlah RM101,329.07 dalam akaun semasa di Standarad Chartered Bank dan wang sejumlah RM216,554.93 dalam akaun simpanan tetap di Citibank dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia menurut s. 32(3) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (Akta 340).

Fakta Ringkas Kes

[2] Berdasarkan kepada maklumat risikan, pihak polis telah menangkap dan menahan seorang bernama Sim Kok Peng (SKP) yang disyakki terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah berbahaya di bawah s. 6 Akta

Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316). Oleh yang demikian SKP adalah dianggap sebagai 'orang kenaan' (liable person) bagi maksud Akta 340.

[3] Berikutan dengan penahanan SKP tersebut, pihak polis telah menyita harta benda yang dianggap sebagai 'harta yang menyalahi undang-undang' di bawah s. 25 Akta 340. Harta-harta tersebut adalah seperti berikut:

(a) Satu akaun semasa bersama Standard Chartered (No. Akaun: 388100154288) berjumlah RM101,329.07;

(b) Satu akaun simpanan tetap Citibank (No. Akaun: 6832366006) berjumlah RM27,734.71;

(c) Satu akaun simpanan tetap Citibank (No. Akaun: 6832366007) berjumlah RM27,734.41;

(d) Satu akaun simpanan tetap Citibank (No. Akaun: 6832366008) berjumlah RM53,695.27;

(e) Satu akaun simpanan tetap Citibank (No. Akaun: 6832366009) berjumlah RM53,695.27; dan

(f) Satu akaun simpanan tetap Citibank (No. Akaun: 6832366010) berjumlah RM53,695.27.

[4] Notis mengenai penyitaan harta dalam borang 17 telah dikeluarkan dan diserahkan kepada perayu pertama selaras dengan kehendak peruntukkan di bawah s. 25(2) Akta 340. Melalui notis tersebut, perayu pertama atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan terhadap harta-harta tersebut diberikan masa tiga bulan untuk menuntut terhadap pemulangan harta-harta tersebut. Perayu-perayu telah melalui surat peguambela mereka menuntut bagi pemulangan kesemua harta yang disita.

[5] Tuntutan perayu-perayu bagi pemulangan harta-harta tersebut telah dirujuk oleh Timbalan Pendakwa Raya kepada Hakim Mahkamah Sesyen di Johor Bahru selaras dengan peruntukkan di bawah s. 32(3) Akta 340. Tuan HMS setelah membicarakan tuntutan perayu-perayu disini, telah menolak tuntutan perayu-perayu tersebut dan memerintahkan semua harta benda tersebut dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia di bawah s. 32(3) Akta yang sama. Rayuan perayu-perayu disini adalah terhadap keputusan Tuan HMS yang menolak tuntutan perayu-perayu.

Hujahan Peguambela Perayu-Perayu

[6] Dalam hujahannya, peguambela telah meneruskan dengan dua alasan untuk mahkamah ini membenarkan rayuan perayu-perayu disini, iaitu:

(a) bahawa Tuan HMS telah terkhilaf dalam undang-undang apabila memutuskan bahawa anggapan di bawah s. 35 Akta 340 terpakai dalam kes perayu-perayu disini; dan

(b) bahawa Tuan HMS telah terkhilaf dalam undang-undang apabila memutuskan bahawa perayu-perayu telah gagal untuk membuktikan punca atau sumber wang dalam akaun banknya.

[7] Mengenai isu (a) diatas, peguambela berhujah bahawa anggapan di bawah s. 35 Akta 340 tidak terpakai bagi prosiding di bawah s. 32(1) Akta yang sama terhadap anakguamnya. Peguambela selanjutnya berhujah bahawa anggapan tersebut hanya terpakai bagi prosiding di bawah s. 8 Akta terhadap 'liable person or illegal property' sahaja. Bagi prosiding di bawah s. 32(1) Akta dimana tiada pendakwaan dijalankan, dihujah oleh peguambela bahawa anggapan tersebut tidak boleh digunapakai.

[8] Mengenai isu (b) diatas pula, peguambela berhujah bahawa perayu pertama telah memberi keterangan secara bersumpah dan telah memberi penjelasan bagaimana beliau memperolehi harta tersebut. Perayu pertama dikatakan telah bekerja sejak tahun 1996 dan telah mengemukakan beberapa dokumen berkaitan dengan cukai pendapatan yang beliau bayar. Peguambela berhujah bahawa perayu pertama telah berjaya atas imbangan kebarangkalian menunjukkan semua wang yang disita adalah milik beliau. Pihak pendakwaan dikatakan telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan untuk mematahkan keterangan (rebuttal evidence) yang diberikan oleh perayu pertama.

[9] Bagi menyokong hujahannya atas kedua-dua isu yang dihujahkan, peguambela telah berpegang kepada keputusan YA Hakim Lim Yee Lan dalam kes *Hong Leong Bank Bhd v. PP* [2009] 8 CLJ 463.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

Isu (a)

[10] Sekiranya terdapat tuntutan terhadap harta yang disita dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis borang 17 diserahkan, pendakwa raya hendaklah merujuk tuntutan tersebut ke Mahkamah Sesyen untuk keputusan oleh Tuan HMS dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tamat tempoh tiga bulan tersebut. Perkara ini seperti diperuntukkan di bawah s. 32(2) Akta 340. Harta yang disita tersebut hendaklah harta yang menyalahi undang-undang seperti ditakrifkan di bawah s. 2(2) Akta iaitu

termasuklah harta yang sepenuhnya atau sebahagian daripadanya diperolehi atau terbit daripada aktiviti terlarang yang dilakukan oleh seseorang. Dalam kes ini aktiviti terlarang telah dilakukan oleh SKP. Peguambela tidak mempertikaikan bahawa SKP adalah 'orang kenaan' bagi maksud Akta 340. Siasatan pihak polis menunjukkan bahawa harta berupa wang yang berada dalam simpanan semasa dan simpanan tetap yang dipegang oleh perayu pertama adalah dipercayai merupakan harta yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan penama SKP. Oleh itu berdasarkan kepada s. 35 Akta 340, kesemua harta tersebut adalah dianggap sebagai harta yang menyalahi undang-undang dan pemegang harta itu dianggap sebagai orang kenaan bagi maksud prosiding di bawah Akta 340 iaitu samada prosiding di bawah s. 8 mahupun di bawah s. 32 Akta 340.

[11] Pada pandangan mahkamah ini, dalam mana-mana prosiding yang dijalankan di bawah Akta 340, anggapan statutori di bawah s. 35 Akta tersebut terpakai. Seksyen 35 Akta 340 tersebut dibaca seperti berikut:

> **35. Presumption as to liable person and illegal property**
>
> Where any proceedings under this Act are brought against any person or in respect of any property on the ground that such person is a liable person or that such property is illegal property, the court shall presume that person to be a liable person and that property to be illegal property, unless the person proceeded against proves to the contrary by admissible evidence and where he adduces any such evidence, the Public Prosecutor shall have the right to rebut the same.

[12] Dalam kes *Hong Leong Bank Bhd v. PP (supra)* yang diputuskan oleh YA Hakim Lim Yee Lan yang menjadi pegangan peguambela telah memutuskan bahawa anggapan di bawah s. 35 Akta tidak terpakai bagi prosiding di bawah s. 32 Akta. YA Hakim tersebut menyatakan bahawa s. 35 Akta tidak menyebutkan dengan jelas pemakaian anggapan tersebut kepada s. 32 Akta walaupun YA Hakim mengakui hanya terdapat dua prosiding di bawah Akta iaitu prosiding di bawah Part III (s. 8 prosiding di Mahkamah Tinggi) dan prosiding di bawah s. 32 Akta itu sendiri. Dengan hormatnya, saya tidak bersetuju dengan pandangan dan keputusan YA Hakim itu. Di bawah s. 35 Akta, perkataan "proceedings" telah digunakan. Dari sini jelas menunjukkan "proceedings" yang dimaksudkan adalah kedua-dua prosiding di Mahkamah Tinggi dan prosiding di Mahkamah Sesyen. Beberapa keputusan lain turut tidak bersependapat dengan keputusan dalam kes tersebut diatas. Keputusan dalam kes-kes berikut menyokong pandangan bahawa anggapan di bawah s. 35 Akta terpakai bagi prosiding di bawah s. 32 Akta, iaitu antaranya:

(a) *Public Finance Bhd v. PP* [1999] 8 CLJ 485;

(b) *PP v. Jessie Tan Poh Yoke* [2008] MLJU 910;

(c) *Kii Sie Hoong v. PP* [2008] 1 CLJ 683;

(d) *Hong Leong Bank Bhd lwn. PP* [2009] 8 CLJ 33;

(e) *PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi* [2005] 3 CLJ 649;

(f) *Amfinance Bhd lwn. PP* [2010] 7 CLJ 607.

[13] Oleh itu hujahan peguambela bahawa Tuan HMS telah terkhilaf apabila menggunapakai anggapan statutori di bawah s. 35 Akta dalam prosiding terhadap perayu-perayu disini adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima. Keputusan Tuan HMS menggunapakai anggapan tersebut dalam kes ini adalah betul dan tidak menyalahi undang-undang.

Isu (b)

[14] Apabila anggapan statutori di bawah s. 35 Akta terpakai dalam prosiding terhadap perayu-perayu, beban pembuktian berpindah kepada perayu-perayu atas imbangan kebarangkalian untuk mengemukakan keterangan sehingga mahkamah berpuashati bahawa:

(a) tiada kesalahan di bawah Akta tersebut atau di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) telah dilakukan berkaitan harta yang dituntut;

(b) harta yang dituntut itu bukannya merupakan harta yang menyalahi undang-undang; dan

(c) bahawa perayu-perayu berhak disisi undang-undang terhadap harta tersebut.

[15] Tuan HMS telah mendengar keterangan daripada perayu pertama semasa perbicaraan dijalankan. Perayu kedua langsung tidak hadir untuk dan tidak ada memberikan sebarang keterangan di hadapan Tuan HMS bagi menuntut harta tersebut. Diakhir perbicaraan, Tuan HMS telah menolak tuntutan perayu-perayu. Alasan penolakan tersebut terkandung di ms. 9 dan 10 Rekod Rayuan, seperti berikut:

> 5. Dalam hal ini, Mahkamah berpendapat seperti berikut:
>
> a. Dakwaan SPM1 bahawa wang-wang dalam akaun Bank tersebut adalah wang gajinya semasa bekerja di Kelab Malam dan kedai tayar tidak dibuktikan, ianya cuma dakwaan kosong semata-mata. Tiada bukti dokumen telah dikemukakan bagi menyokong keterangannya. Malahan, majikan ataupun wakil majikannya tidak dipanggil untuk menyokong dakwaannya;
>
> b. Dakwaan SPM1 bahawa wang-wang dalam akaun Bank tersebut adalah pemberian oleh teman lelakinya yang bernama Kenneth yang mana Kenneth telah memberinya

wang sebanyak S$70,000 - S$80,000 tidak dibuktikan, ianya cuma dakwaan kosong semata-mata. Penama Kenneth ini tidak langsung dipanggil bagi menyokong dakwaannya.

6. Selain dari itu, Mahkamah mendapati bahawa dakwaan SPM1 bahawa beliau tidak mengenali Sim Kok Peng dan wang-wang dalam akaun Bank tersebut bukannya diberi oleh Sim Kok Peng ataupun disimpan bagi pihak Sim Kok Peng, tidak dibuktikan dan merupakan dakwaan kosong semata-mata. Malahan, Sim Kok Peng tidak dipanggil untuk memberi keterangan bagi menyokong dakwaannya.

7. Tentang hujah bahawa Pemohon-Pemohon bukannya orang kenaan (liable person) di bawah seksyen 7 Akta tersebut pada pandangan Mahkamah adalah tidak relevan bagi permohonan di bawah seksyen 32 Akta tersebut. Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Tan Lee Kok* [1998] 2 CLJ 286 semasa membincangkan perbezaan antara seksyen 32 Akta tersebut dengan seksyen 8 Akta tersebut memutuskan bahawa seksyen 32 dengan seksyen 8 adalah berbeza dan berasingan, masing-masing mampu dan patut berdiri secara bersendirian, dan kedudukan sebegini adalah juga pada pendapat Mahkamah, terpakai bagi permohonan di bawah seksyen 32 dengan di bawah seksyen 7 Akta tersebut.

[16] Marilah kita lihat apakah keterangan perayu pertama (SPM1) di Mahkamah Sesyen (dims. 12 hingga 33 Rekod Rayuan). Secara ringkasnya keterangan perayu pertama adalah seperti berikut:

(a) beliau bekerja sebagai waitress di Europa Pub di Permas Jaya dengan pendapatan sebulan diantara RM7,000 - RM8,000 termasuk komisyen;

(b) beliau bekerja sebagai pelayan pelanggan (GRO) di kelab malam sejak berumur dan sebagai pegawai pemasaran di sebuah kedai tayar dalam tahun 2007 hingga tahun 2008. Beliau mendapat pendapatan sebanyak RM10,000 - RM15,000 termasuk tips sebagai pelayan pelanggan di kelab malam dan mendapat pendapatan sebanyak RM4,000 - RM5,000 sebulan bekerja di kedai tayar. Beliau telah bekerja di kelab malam sejak berumur 16 tahun;

(c) beliau ada membayar cukai pendapatan bagi tahun taksiran mulai tahun 2004 hingga 2007 dan beliau membuat bayaran melalui Public Bank (ID 3A-D);

(d) teman lelaki beliau bernama Kenneth Koh ada pernah memberi beliau wang dollar Singapura sebanyak S$70,000 - S$80,000 bagi kegunaan beliau sendiri;

(e) beliau mengenali SKP sebagai John semasa bertugas sebagai pelayan pelanggan di kelab malam dan beliau mengakui John ada memberi wang sebanyak RM3,500 kepada beliau. Beliau menafikan wang yang disita adalah kepunyaan John dan menafikan beliau menyimpan wang itu bagi pihak John.

[17] Itu adalah keterangan lisan yang dikemukakan oleh perayu pertama. Tidak ada keterangan dokumentar lain bagi mengesahkan keterangan beliau selain empat slip bayaran untuk bayaran cukai pendapatan yang dikeluarkan oleh Public Bank (ID 3A-D). Melihat kepada empat slip bayaran tersebut (ms. 39-42 Rekod Rayuan), tidak nyata tercatat nama pembayar, jumlah bayaran dan tarikh bayaran dibuat. Dokumen ini langsung tidak dapat membantu mahkamah bagi menentukan anggaran pendapatan kasar perayu pertama dan tidak dapat diketahui bilakah bayaran tersebut telah dibuat. Dalam keterangannya, perayu pertama turut tidak menyatakan jumlah pendapatan tahunan beliau dan jumlah bayaran cukai pendapatan yang beliau kena bayar. Tiada dokumen menunjukkan perayu pertama bekerja sebagai GRO di Europa Pub dan tiada juga dokumen menunjukkan beliau bekerja di sebuah kedai tayar. Tiada bukti dokumentar menunjukkan pendapatan perayu pertama di Europa Pub dan di kedai tayar tersebut. Majikan juga tidak dipanggil untuk mengesahkan pendapatan perayu pertama. Saya bersetuju dengan dapatan Tuan HMS bahawa dakwaan perayu pertama bahawa beliau mempunyai pendapatan antara RM10,000 - RM15,000 sebagai GRO di Europa Pub dan RM4,000 - RM5,000 sebagai Pegawai Pemasaran di kedai tayar hanyalah satu dakwaan kosong semata-mata.

[18] Selain itu, tiada saksi-saksi lain dipanggil bagi menyokong keterangan perayu pertama terutamanya saksi Kenneth Koh yang didakwa telah memberi wang dollar Singapura sebanyak S$70,000 - S$80,000 kepada perayu pertama. Kononnya saksi ini masih berhubungan dengan perayu pertama dan saksi ini menetap di Singapura dan menjalankan perniagaan VCD tulen dari Amerika Syarikat. Walaupun peguambela memberitahu akan memanggil saksi Kenneth Koh tetapi saksi ini tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Tiada alasan diberi mengapa saksi ini tidak dipanggil. Begitu juga dengan seorang saksi daripada Public Bank yang tidak dipanggil walaupun berjanji untuk memanggil saksi tersebut. Tiada alasan juga diberi mengapa saksi ini tidak dipanggil.

[19] Perayu pertama menyatakan wang yang disita adalah wang yang diberikan oleh Kenneth Koh dan pelanggan beliau serta wang gaji beliau. Mahkamah ini meragui benarkah Kenneth Koh yang hanya dikatakan sebagai teman lelaki sanggup memberi S$70,000 - S$80,000 kepada seorang teman wanita. Wang yang kononnya diberikan sekaligus adalah

A tidak munasabah memandangkan jumlah yang terlibat adalah terlalu besar (lebih kurang RM168,000 - RM192,000 jika dikira pada tukaran S$1.00 bersamaan dengan RM2.40). Sekiranya benar wang sebanyak itu telah diberikan oleh Kenneth Koh, mengapa saksi itu yang masih dapat dihubungi dan berada di Singapura tidak dipanggil untuk memberi
B keterangan. Begitu juga saksi daripada Public Bank tidak dipanggil untuk menyatakan jumlah pembayaran cukai pendapatan oleh perayu pertama. Saya bersetuju dengan dapatan Tuan HMS bahawa dakwaan perayu pertama beliau diberi wang oleh Kenneth Koh dan beliau ada membayar cukai pendapatan hanyalah satu dakwaan kosong semata-mata.

C **[20]** Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh perayu pertama, mahkamah ini mendapati atas imbangan kebarangkalian perayu-perayu telah gagal untuk melepasi beban pembuktian atas mereka untuk memuaskan hati mahkamah bahawa tiada kesalahan berlaku mengaitkan wang yang dirampas, wang tersebut bukanlah harta yang menyalahi
D undang-undang dan bahawa mereka berhak kepada harta tersebut di bawah undang-undang. Mahkamah ini turut mendapati bahawa perayu-perayu telah gagal untuk mematahkan anggapan statutori di bawah s. 35 Akta 340 yang terpakai terhadap mereka dalam prosiding ini. Oleh yang demikian tiada keperluan bagi pihak pendakwa raya untuk mengemukakan
E "rebuttal evidence" dalam keadaan kes ini.

Konklusi

[21] Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan perintah Tuan HMS yang menolak
F tuntutan mereka dan sekaligus melucuthakkan semua harta yang disita kepada Kerajaan Malaysia.

G

H

I